

**Bil. 20**

**Selasa**

**16 Oktober 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)**  
- *YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)* [Halaman 1]
  
- ***Memohon Kelulusan Bagi Penukaran Status SJK(C) Chung Ching (Cawangan) kepada SJK(C) Chung Ching Kedua yang Mempunyai Pentadbiran Tersendiri***  
- *YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)* [Halaman 5]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 16 Oktober 2018**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**  
**DOA**  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)**

**2.34 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, era perkembangan pendidikan dan juga tenaga kerja kini lebih tertumpu kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kerajaan telah mengambil langkah untuk memperkasakan TVET di kalangan pelajar dan juga sedang berusaha untuk menjalankan program kesedaran untuk menyerap lebih ramai pelajar ke dalam program-program TVET, satu usaha yang diterima dengan baik oleh rakyat.

Sehubungan dengan itu, diminta kerajaan untuk memaklumkan statistik pengambilan pelajar-pelajar untuk TVET mengikut kursus, peringkat, kaum, lokasi dan asrama, iaitu mereka yang dipilih untuk institusi pendidikan kerajaan seperti IKBN dan politeknik, pusat-pusat TVET swasta yang dibantu oleh kerajaan dan juga swasta sepenuhnya.

Berapakah jumlah peruntukan yang sudah dibelanjakan untuk perkembangan TVET di Malaysia? Apakah kadar kemasukan dan kadar pencapaian mencapai bilangan yang memberangsangkan secara menyeluruhnya serta, apakah peratusan yang mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka dalam masa enam bulan selepas selesai kursus?

Golongan belia sering kali mempunyai persepsi negatif mengenai pengajian TVET yang dikaitkan dengan faktor kebolehpasaran graduan untuk sektor pekerjaan tempatan dan antarabangsa. Adakah kelayakan TVET di Malaysia sama taraf dengan kelayakan TVET yang ditawarkan di Singapura dan Australia.

Persepsi negatif golongan belia juga adalah kerana kebanyakan kursus yang ditawarkan tidak diiktiraf oleh agensi-agensi pendidikan dan TVET antarabangsa, menyebabkan graduan TVET hanya mendapat pekerjaan dalam bidang-bidang yang tidak profesional dengan gaji yang amat rendah dan mereka disamakan dengan golongan '*school dropouts*' yang tidak dapat menyambung pengajian ke kursus ijazah yang konvensional. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membetulkan persepsi ini?

Kementerian juga diminta untuk mengulas mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pelajar-pelajar untuk memilih program TVET sebagai asas untuk pilihan kerjaya mereka pada masa hadapan, khususnya dari kaum-kaum yang minoriti yang tidak berminat untuk menyertai program TVET.

Pada masa ini, fokus program TVET adalah lebih kepada jurusan makanan, elektrik, elektronik, automobil, penyelenggaraan kapal terbang, komputer dan sebagainya. Adakah kementerian juga bercadang untuk mengembangkan program TVET untuk sektor kesihatan. Jika ada, diminta untuk mengulas secara lanjut tentang fokus program tersebut.

Selain itu, kementerian juga diminta untuk memberi perhatian kepada kedudukan dan lokasi institusi TVET, kerana ia merupakan salah satu cara untuk membantu menambah jumlah pelajar. Kementerian diminta untuk mempertimbangkan cadangan membuka pusat TVET di DUN Buluh Kasap di Parlimen Segamat dalam kawasan Gemas Selatan kerana lokasi yang strategik dan mampu juga menarik pelajar dari Gemas, Negeri Sembilan. Sekian, terima kasih.

### **2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Segamat. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bermula, izinkan saya memberi penekanan bahawa tidak semua Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berada di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Latihan Swasta. Antara kementerian yang terlibat adalah Kementerian Tenaga Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman, pendidikan TVET yang berada di bawah KPM adalah Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN), politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional (KV), Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA), Program Asas Vokasional dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas

Vokasional. Maka saya akan menjawab berdasarkan bidang kuasa KPM sahaja. Begitu juga dengan data yang diberikan, ia tidak merangkumi data keseluruhan untuk TVET Malaysia.

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan antara agenda utama di dalam kedua-dua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 sehingga 2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi).

Agenda TVET turut seiring dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang menjangkakan kewujudan 1.5 juta peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor dengan sasaran sebanyak 60 peratus daripada pekerjaan berkenaan memerlukan kemahiran berkaitan bidang TVET. Menyedari kepentingan TVET, kerajaan turut beralih daripada meluaskan akses kepada program dan intervensi TVET yang berkualiti dalam RMKe-10 kepada mentransformasikan TVET untuk memenuhi permintaan industri dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk tujuan ini, kerajaan sedang memberikan tumpuan khusus dalam mengarusperdanakan bidang TVET agar menjadi salah satu laluan pilihan kepada pelajar. Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar di mana pada tahun 2018 peruntukan sebanyak RM1.04 bilion telah dibelanjakan bagi tujuan pengoperasian dan pembangunan TVET KPM.

Pelaburan berkenaan berupaya meningkatkan enrolmen pelajar TVET di mana pada tahun 2018, terdapat seramai 79,412 orang pelajar di kolej vokasional yang sedang mengikuti beberapa bidang pengajian antaranya Diploma Teknologi Elektrik, Diploma Teknologi Elektronik, Diploma Teknologi Pemesinan Industri, Diploma Teknologi Kimpalan, Diploma Teknologi Automotif, Diploma Teknologi Pembinaan, Diploma Seni Kulinari, Diploma Pelancongan, Diploma Seni Reka Fesyen, Diploma Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian, Diploma Teknologi Multimedia Kreatif, Diploma Perakaunan, Diploma Pemasaran, Diploma Agroindustri Tanaman dan Diploma Teknologi Mekanisasi Agro.

#### ■1440

Bagi kolej komuniti, terdapat seramai 23,271 orang di pelbagai peringkat pengajian sijil dan diploma dalam bidang pengajian antaranya Sijil Fesyen dan Pakaian, Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Landskap, Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan, *Diploma in Security Technology*, dengan izin, *Diploma in Hospitality Operations* dan *Diploma in Games Art*, dengan izin.

Manakala di politeknik pula, terdapat seramai 96,370 orang pelajar yang sedang mengikuti bidang pengajian, antaranya Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian), Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Akauntansi, Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma

Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan dan Diploma Kejuruteraan Elektrik.

Bagi maksud perkembangan kerjaya pelajar lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga telah mengadakan perbincangan dengan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi mengenal pasti laluan akademik yang bersesuaian bagi lulusan Sijil Vokasional Malaysia dari Program Vokasional Menengah Atas dan Program Perantisan Industri Menengah Atas untuk menyambung pengajian di kolej komuniti.

Bagi membuka peluang dan kemudahan kepada lulusan diploma politeknik untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda pula, JPPKK telah melaksanakan inisiatif seperti reka bentuk semula kurikulum bersama institusi di bawah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (MTUN), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Malaysia Pahang.

Pada masa ini juga, KPM sedang membangunkan program bersama-sama dengan MTUN untuk memperkasakan laluan TVET terutamanya untuk pelajar lulusan DVM. Di samping laluan untuk melanjutkan pengajian yang lebih tinggi, KPM melalui KV, politeknik dan kolej komuniti akan terus merencana inisiatif bagi melahirkan graduan TVET yang berkualiti serta mempunyai kebolehpasaran (*marketability*) dan keboleherjaan (*workability*) yang tinggi agar dapat memenuhi keperluan sumber tenaga kerja industri negara. Enrolmen program TVET akan berkembang dengan ketara menerusi kerjasama dengan industri untuk memastikan penawaran memenuhi permintaan. KPM juga pada masa yang sama berhasrat untuk membetulkan persepsi TVET adalah pilihan golongan *school dropout*, dengan izin ataupun pilihan kedua.

Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM akan mempergiatkan kerjasama dan penglibatan industri, menjajarkan kelayakan, menambah baik penyelarasan dengan pelbagai agensi penyedia TVET dan meningkatkan penjenamaan. Selain menceburi cabaran industri, graduan TVET yang telah mendapat Akreditasi Penuh juga layak untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan awam tertakluk kepada pihak berkuasa melantik.

Selaras dengan cabaran industri 4.0, kaedah penyampaian pendidikan TVET perlu dipacu oleh industri dan penggunaan teknologi terkini bagi memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan industri. Kaedah penyampaian berdasarkan teknologi terkini juga boleh menarik minat dan menggalakkan pelajar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang TVET.

Di kawasan Segamat, telah ada Kolej Vokasional Segamat, Kolej Komuniti Segamat di Bandar Putra, Kolej Komuniti Segamat 2 di Jalan Jementah, Batu Anam dan Pusat

GIATMARA Segamat. Sekian, terima kasih.

**Memohon Kelulusan Bagi Penukaran Status SJK(C) Chung Ching (cawangan)  
Kepada SJK(C) Chung Ching Kedua yang Mempunyai Pentadbiran Tersendiri**

**2.45 ptg.**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak tahun 2013, Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) SJK(C) Chung Ching telah memohon agar SJK(C) Chung Ching cawangan dinaiktaraf kepada SJK(C) Chung Ching Kedua tetapi masih tidak berjaya.

Justifikasi-justifikasi yang dikemukakan oleh Lembaga Pengelola Sekolah adalah seperti berikut:

- (i) lokasi tapak sekolah cawangan terletak dalam kawasan Indera Mahkota dan ianya terletak 10 kilometer dari sekolah induk yang terletak di Tanah Putih, Kuantan. Maka pentadbiran sekolah cawangan tidak dapat dijalankan secara berkesan. Hanya seorang Guru Besar menjaga dua buah sekolah yang berjauhan antara satu sama lain;
- (ii) status tanah sekolah cawangan berbeza dengan Sekolah Induk kerana pemiliknyanya adalah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan; dan
- (iii) SJK(C) Chung Ching (cawangan) ini telah beroperasi pada 2 Januari 2013 dan enrolmen pelajar adalah berjumlah 227 orang. Dijangkakan enrolmen pelajar ke sekolah ini akan meningkat dari semasa ke semasa dan pada tahun 2018, enrolmen pelajar menghampiri 500 orang.

Mantan Perdana Menteri telah memberi peruntukan sebanyak RM4.5 juta pada tahun 2010 untuk membina SJK(C) Chung Ching cawangan. Atas permohonan Presiden MCA pada tahun 10 November 2016, Mantan Perdana Menteri telah bersetuju SJK(C) Chung Ching (cawangan) diiktiraf sebagai SJKC Chung Ching II dan meminitkan persetujuan beliau kepada mantan Menteri Pendidikan untuk tindakan selanjutnya.

Pada 18 Jun 2018, saya telah menulis surat rasmi kepada Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat Simping Renggam untuk memaklumkan perkembangan baru dan persetujuan yang telah dicapai oleh Kementerian Pendidikan sebelum Kerajaan Barisan Nasional diambil alih oleh Pakatan Harapan, iaitu:

- (i) status tanah SJK(C) Poay Chai, Singkir, Kedah akan berpindah ke Jalan Changkat Indah Utama, Taman Bukit Indah, Johor; dan
- (ii) SJK(C) Chung Ching (cawangan), Kuantan akan dijadikan sebagai SJK(C) Chung Ching II, Kuantan yang mempunyai pentadbiran sendiri.

Keputusan itu dicapai pada 26 Oktober 2017, jam 12.15 petang di Pejabat Menteri Pendidikan pada ketika itu dengan disaksikan oleh mantan Menteri Dato' Sri Liow Tiong Lai, mantan Ketua Setiausaha KPM dan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM). Lantaran itu, KPPM telah memberi arahan kepada bahagian-bahagian dan Jabatan-jabatan Pendidikan berkenaan untuk mengambil tindakan susulan daripada keputusan tersebut, iaitu meneliti semula untuk kelulusan SJK(C) Chung Ching (cawangan), Kuantan yang mempunyai pentadbiran tersendiri dengan mengambil kira kekosongan waran perjawatan sedia ada yang boleh dipindahkan ke SJK(C) ini.

Arahan ini telah dinyatakan dalam surat bertarikh 7 Februari 2018, no rujukan: KPM.KPPM.S.100(85). Namun setakat hari ini, KPM belum memberi kelulusan rasmi untuk penubuhan SJK(C) Chung Ching Kedua seperti yang telah dipersetujui. Diharapkan KPM dapat mengeluarkan surat kelulusan kepada LPS SJK(C) Chung Ching dengan kadar segera. Sekian, terima kasih.

■1450

**2.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Tuan Yang di-Pertua SJK(C) Chung Ching (cawangan) Kampung Tiram, Kuantan, Pahang terletak lima kilometer dari sekolah induk dan berstatus sekolah bantuan kerajaan (SBK). Sekolah ini telah diberi peruntukan untuk pembinaan oleh mantan Perdana Menteri pada tahun 2012 dan beroperasi sebagai sekolah cawangan pada tahun 2013. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), tiada peruntukan untuk penubuhan sekolah cawangan sebaliknya berdasarkan akta ini hanya Menteri Pendidikan yang boleh menubuhkan dan menyenggara sesebuah sekolah.

Permohonan untuk pentadbiran berasingan SJK(C) Chung Ching (cawangan) Kampung Tiram, Kuantan, Pahang telah dikemukakan berkali-kali kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Desakan untuk menjadikan sekolah ini mempunyai pentadbiran sendiri telah dijawab beberapa kali oleh KPM iaitu pada 29 Jun 2000, 6 Oktober 2008, 30 November 2009, 15 Mac 2013 dan 26 Oktober 2015.

Untuk membolehkan sekolah ini beroperasi secara pentadbiran berasingan, KPM pada masa itu telah mencadangkan agar waran perjawatan SJK(C) berstatus sekolah kurang murid di sekitar negeri Pahang atau negeri lain dipindahkan ke sekolah ini. Oleh itu, KPM pada masa itu telah membuat semakan bagi mengenal pasti SJK(C) yang beroperasi tanpa murid di negeri Pahang atau negeri lain dan mendapati hanya SJK(C) Poay Chai, Singkir, Kedah sahaja yang merupakan SJK(C) yang beroperasi tanpa murid dan boleh dicadangkan untuk dipindahkan ke Kuantan, Pahang untuk digunakan oleh SJK(C) Chung Ching (cawangan) Kampung Tiram, Kuantan, Pahang ini.

Pihak KPM pada dasarnya telah bersetuju memberi kelulusan untuk SJK(C) Chung Ching (cawangan) Kampung Tiram, Kuantan, Pahang untuk beroperasi secara pentadbiran sendiri pada 15 Februari 2017 melalui kelulusan perpindahan SJK(C) Poay Chai, Singkir, Kedah ke Kuantan, Pahang. Keputusan ini juga dibuat setelah mengambil kira persetujuan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) SJK(C) Poay Chai, Singkir, Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang serta pembinaan sekolah ini adalah di atas tapak hak milik kerajaan negeri. Sehubungan dengan itu, SJK(C) Chung Ching (cawangan) ini telah didaftarkan semula dengan kod baharu iaitu CBC4052 SJK(C) Poay Chai, Kampung Tiram, Kuantan, Pahang menggantikan SJK(C) Chung Ching (cawangan) Kampung Tiram, Kuantan, Pahang.

Walau bagaimanapun, perbincangan khas antara Mantan Menteri Pendidikan bersama-sama wakil MCA bertarikh 26 Oktober 2017 telah memutuskan semula bahawa waran perjawatan SJK(C) Poay Chai, Singkir, Kedah yang telah diluluskan pindah ke Pahang sebagai CBC4052 SJK(C) Poay Chai, Kampung Tiram, Kuantan, Pahang dibatalkan dan dipindahkan ke SJK(C) baharu di Taman Bukit Indah, Johor yang masih dalam perancangan pembinaan.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan keputusan tersebut, KPM telah mengambil tindakan seperti berikut iaitu:

- (i) membekukan sementara pengisian perjawatan ke CBC4052 SJK(C) Poay Chai, Kampung Tiram, Kuantan, Pahang sebelum dipindahkan ke SJK(C) baharu di Taman Bukit Indah, Johor sehingga pembinaan sekolah siap sepenuhnya untuk beroperasi; dan
- (ii) mengekalkan status SJK(C) Chung Ching (cawangan), Kampung Tiram, Kuantan, Pahang di bawah satu pentadbiran yang sama sehingga terdapat kekosongan perjawatan sedia ada yang boleh

dipindahkan dari SJK(C) yang beroperasi tanpa murid untuk kegunaan sekolah ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Pakatan Harapan telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan termasuk Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan keputusan pada tahap ini adalah seperti berikut:

- (i) pihak LPS SJK(C) Chung Ching diminta untuk membuat permohonan melalui Guru Besar dan JPN Pahang untuk pertukaran status sekolah ini menjadi sekolah kerajaan secepat mungkin dengan mematuhi prosedur sedia ada KPM; dan
- (ii) permohonan ini akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia untuk persetujuan sebelum diangkat untuk kelulusan Menteri Pendidikan bagi membolehkan sekolah ini beroperasi secara pentadbiran berasingan. Sekian sahaja, ribuan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 17 Oktober 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]***